

03 MAY 1996

Malcon

FUNGSI MALCON DI BOSNIA DIKAJI SELEPAS MANDAT TAMAT

PORT DICKSON, 3 Mei (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata, Malaysia akan mengkaji semula fungsi pasukan Kontinjen Malaysia (Malcon) di Bosnia-Herzegovina selepas mandat selama setahun di bawah Pasukan Pengaman Antarabangsa (IFOR) tamat akhir tahun ini.

Katanya, tugas yang dilaksanakan oleh Malcon I di negara Balkan itu sejak enam bulan lepas telah mendapat banyak pujian daripada ketua-ketua tentera negara lain.

"Ini kerana kebolehan yang ditunjukkan oleh mereka lebih baik daripada negara yang biasa dengan keadaan cuaca sejuk," katanya pada majlis perpisahan Malcon II di Kem Sunggala di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tan Sri Ismail Omar dan Panglima Tentera Darat Datuk Seri Che Md Noor Mat Arshad.

Syed Hamid turut mengingatkan anggota Malcon II supaya sentiasa berwaspada dan mengelak daripada menjadi tawanan kepada mana-mana pihak yang terbabit dalam krisis di negara berkenaan.

Malcon II akan berlepas berperingkat-peringkat ke Bosnia mulai sekarang hingga Jun menggantikan Malcon I.

Syed Hamid, yang turut menyaksikan demonstrasi kawad kawalan kehormatan di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), berkata ATM akan memperkenalkan kawad kawalan kehormatan yang baru tidak lama lagi.

Katanya, ATM sedang mengkaji kawad yang sesuai bagi meningkatkan imej ATM sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kawad kawalan kehormatan yang ada sekarang diperbaiki.

"Ini bukan bermakna kawad yang diamalkan sekarang tidak baik tetapi bertujuan untuk memperkemaskan lagi kawad," katanya.

Beliau berkata, bentuk kawad kawalan kehormatan baru itu akan dipilih daripada tiga bentuk yang sedang dikaji sama ada kawad kawalan yang digunakan sekarang, kawalan kehormatan bentuk baru yang dicadangkan atau kawalan kehormatan bentuk baru langkah segak menggunakan senapang steyr.

Mengenai kawad "goose step", beliau berkata faktor fizikal tidak menjadi masalah kerana purata anggota kawalan kehormatan ditetapkan pada ketinggian sekurang-kurangnya 172sm.

-- BERNAMA

RAB AHH